

MAHATHIR

1977

SHAH ALAM, 1 MAC (BERNAMA) -- TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMBERI JAMINAN BAHAWA KERAJAAN SENIA MEMBERI KEMUDAHAN DAN MEMBUKA PELUANG SELUAS-LUASNYA KEPADA PIHAK SWASTA MENDIRIKAN KILANG-KILANG UNTUK MENGELUARKAN BAHAN-BAHAN MAKANAN TEMPATAN.

BELIAU BERKATA INI TERMASUK MENGADAKAN LEBIH BANYAK DAERAH PERTANIAN SEBAGAI KAWASAN TERNAKAN DAN LADANG BUAH-BUAHAN BAGI MENGHASILKAN BAHAN MENTAH YANG DAPAT MENJAMIN PENGHASILAN BAHAN-BAHAN MAKANAN.

MENURUT DR. MAHATHIR, PIHAK SWASTA JUGA PATUT DIBERI GALAKAN BAGI MENYELENGGARA LADANG-LADANG UNTUK DITANAM DENGAN TUMBUHAN YANG MENGHASILKAN BAHAN-BAHAN MAKANAN MENGIKUT KEHENDAK MASING-MASING.

DR. MAHATHIR, YANG JUGA MENTERI PELAJARAN MENYATAKAN DEMIKIAN DALAM UCAPAN MERASMIKAN SEMINAR +PERKEMBANGAN PERUSAHAAN MAKANAN DI MALAYSIA,+ ANJURAN KAJIAN SAINS GUNAAN INSTITIUT TEKNOLOJI MARA DISINI.

UCAPAN BELIAU TELAH DISAMPAIKAN OLEH KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PELAJARAN, DATUK ABDUL KADIR TALIB.

BELIAU MENEGASKAN SETAKAT INI KERAJAAN TELAH BANYAK MENGELUARKAN PERBELANJAAN UNTUK MENGIMPOT BAHAN-BAHAN MAKANAN DARI LUAR NEGERI BAGI MENGATASI KEKURANGAN BAHAN MAKANAN YANG SEDIA ADA DI NEGARA INI. -- BERSAMBUNG 1155/SZ

EE

B522

MAHATHIR 2 SHAH ALAM

PARA PENGIMPOT TEMPATAN JUGA TURUT MENGIMPOT BAHAN-BAHAN MAKANAN YANG SUDAH SIAP UNTUK DIPASARKAN DENGAN HARGA YANG TINGGI. MEMANDANGKAN KEDUDUKAN INI, TAMBAH BELIAU, KERAJAAN HARUS MEMBERI PERHATIAN PENUH KEPADA POTENSI PENGHASILAN BAHAN-BAHAN MAKANAN TEMPATAN BAGI MEMBOLEHKAN NEGARA BERDIKARI DISEMIPING MENJIMATKAN TUKARAN MATA WANG ASING.

DR. MAHATHIR BERKATA DALAM HAL INI KERJASAMA YANG BAIK AMAT DIPERLUKAN ANTARA KERAJAAN DENGAN PIHAK SWASTA DALAM MENDIRIKAN KILANG-KILANG YANG LEBIH BANYAK BUKAN SAJA UNTUK MEMPROSES BAHAN-BAHAN MAKANAN TETAPI JUGA UNTUK MEMBERI PELUANG PEKERJAAN KEPADA RAKYAT.

BELIAU MENGESYORKAN BAGI MENGELAKKAN MASALAH KEKURANGAN BAHAN MENTAH DISEPANJANG TAHUN, PENGUSAHA-PENGUSAHA TEMPATAN BOLEH MEMPROSES BUAH-BUAHAN SUPAYA DAPAT TAHAN LEBIH LAMA DENGAN CARA MENGERING ATAU DIPROSES MENJADI PATI ATAU HALWA.

SATU LAGI CARA IALAH DENGAN MENGAWET BUAH-BUAHAN YANG BERLEBIHAN DI MUSIM-MUSIM TERTENTU BAGI MENCEGAH KEROSAKAN BAHAN-BAHAN TERSEBUT.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENYATAKAN BAHAWA KERAJAAN SENTIASA MENELITI DAN MENGADAKAN KAWALAN TERHADAP PENGUSAHA-PENGUSAHA MAKANAN SUPAYA MUTU BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA DAPAT DIPASARKAN DI LUAR NEGERI TANPA MENIMBULKAN SEBARANG KERAGUAN.

-- BERSAMBUNG 1200/SZ

701

MAHATHIR 3 SHAH ALAM

BELIAU JUGA MENYEBUT TENTANG PERLUNYA PELABUR-PELABUR MODAL DIBERI PELUANG MENKAJI SERTA MENGANALISA HASIL PENYELIDIKAN YANG DIBUAT OLEH PAKAR-PAKAR DI BIDANG TEKNOLOJI MAKANAN SUPAYA PARA PENGUSAHA DAPAT MELICINKAN USAHA MEREKA DALAM KONTEK MEMPERBAIKI EKONOMI NEGARA.

PENGARAH ITM, DATUK LOKMAN MUSA DALAM UCAPANNYA BERKATA ITM AKAN TERUS MENJALANKAN USAHA-USAHA YANG LEBIH GIAT BAGI MENGHASILKAN TENAGA-TENAGA PROEFFSYENAL DI BIDANG TEKNOLOJI MAKANAN.

ITM TELAHPUN MEMBUAT PERUNTUKAN BAGI MENAMBAH ALAT-ALAT KELENGKAPAN YANG LEBIH MODEN DI BILIK MAKMAL KHAS BAGI KURSUS TERSEBUT.

KATANYA, RANCANGAN ITM YANG TERBESAR SEKALI BAGI KURSUS ITU IALAH PEMBINAAN SEBUAH MAKMAL KHAS BAGI MEMPROSES BAHAN-BAHAN MAKANAN YANG LENGKAP.

DATUK LOKMAN MEMBERITAHU BEBERAPA ORANG GRADUAN KUMPULAN PERTAMA DARI KURSUS ITU TELAHPUN DITERIMA MASUK KE TAHUN KETIGA UNTUK MELANJUTKAN PENGAJIAN MEREKA DI PERINGKAT SARJANA MUDA DI UNIVERSITI-UNIVERSITI DI AMERIKA SYARIKAT.

BELIAU BERHARAP KERAJAAN AKAN MENGIKTIRAF DIPLOMA KURSUS TERSEBUT SECEPAT MUNGKIN SETARAF DENGAN IJAWAH SARJANA MUDA. -- BERNAMA 1203/SZ
MAHATHIR-MESSAGE